

Oleh SHANIKA ABDULLATIB  
shanika.abdullatib@kosmo.com.my

**B**AGI mereka yang bersiar-siar sekitar kawasan Waterfront Kuching, Sarawak, pasti tidak akan terlepas daripada disapa penjual gambir.

Hanya bermodalkan sebuah meja kecil, peniaga gambir Sarawak mengerumuni kaki-kaki lima terutama di deretan kedai menjual cenderahati di Jalan Green Hill hingga ke Jalan Main Bazar.

Menyusuri jalan-jalan tersebut, perniagaan gambir Sarawak rancak dijalankan tidak kira lewat malam atau siang malah wanita dan kanak-kanak turut mahir dalam menerangkan khasiatnya.

Tidak kira di Semenanjung atau di Sarawak, ketaksuban lelaki terhadap gambir Sarawak tidak dapat dinafikan.

Gambir atau nama saintifiknya *Uncaria gambir*, biasa ditemui di hutan kebanyakan negara, khususnya di hutan di Asia Tenggara, India dan China.

Tumbuhan menjalar itu mem-

# Gambir rosak saraf seks

## Penggunaan gambir pada bahagian sulit secara kerap dan tidak terkawal boleh mengakibatkan luka, radang dan jangkitan bakteria.

punyai daun berbentuk lebar manakala bunganya berwarna kuning dengan kandungan utama herba tersebut adalah *tannin* yang mempunyai *astrigen*.

Sejak berzaman, sejumlah rekod mengaitkan penggunaan gambir sebagai penawar bisa gigitan ular dan krim penyembuh kesan kebakaran pada kulit.

Malah dalam salah sebuah laman web, masyarakat Cina purba

dinyatakan mempercayai tumbuhan tersebut bagi digunakan untuk melegakan sakit tekak dan ulser (kudis) selain membuang angin dalam badan.

Bagi penduduk kepulauan Nusantara, gambir dimakan bersama pinang dan sirih kerana herba itu dikatakan memberi kesan mengkhayalkan.

Gambir Sarawak tidak dimakan tetapi ramai kaum Adam yakin ia mempunyai kehebatan kerana ia didakwa mampu 'memperkasakan' lelaki ketika menjalin hubungan kelamin.

Lazimnya batang gambir dikerat bagi mendapatkan getahnya yang kemudian dikeringkan sebelum dihiris dalam bentuk kepingan kecil.

Di sebalik kehebatan gambir, pakar sakit tuan, Dr. Mohd. Ismail Thamby berkata, penggunaan gambir Sarawak secara berlebihan dan tidak terkawal boleh membawa padah.

"Kemaluan akan melecet serta berasa pijar yang berterusan sehingga boleh mengakibatkan

luka, keradangan dan jangkitan bakteria," katanya yang dihubungi *Jurnal*.

Lebih teruk, lama kelamaan, penggunaan bahan tersebut akan mengalami kerosakan saraf terutama di kawasan sensitif.

Jelas Ismail lagi, kehilangan rasa nikmat ketika melakukan hubungan kelamin juga boleh terjadi sekiranya tumbuhan tersebut kerap digunakan.

Katatanya, gambir hanya digunakan oleh penduduk Sarawak untuk tujuan melegakan kesakitan ringan seperti sakit gigi.

Cuma penduduk Semenanjung sahaja, katanya, yang taksud dengan dakwaan bahawa gambir Sarawak boleh

memanjangkan tempoh ereksi.

Dalam pada itu, ahli botani dan ekologi tempatan, Dr. Paul Chai sebelum ini dilaporkan berkata, hanya gambir Sarawak dikaitkan dengan khasiat di ran-

jang kerana kawasan lain di Semenanjung didapati hanya menggunakannya untuk tujuan perubatan.

Menurut Paul, masyarakat Melayu di Sarawak sering menggunakan gambir untuk menahan sakit, terutama sakit gigi. Beliau tidak menafikan gambir Sarawak mungkin spesies yang berbeza dengan kawasan lain memandangkan hutan Borneo antara hutan tropika tertua dunia.

Penulis buku *Medicinal Plants of Sarawak* itu berkata, penggunaan gambir sebagai 'ubat kuat' lelaki hanya satu daripada kegunaan tumbuhan itu di kalangan suku kaum di Sarawak seperti Iban dan Melanau.

Kegunaan lain gambir yang juga dikenali sebagai akar kelawit itu ialah sebagai penawar gigitan ular selain penawar akibat termakan cendawan beracun.



**BUKAN** sajaengebaskan rasa sakit, gambir yang merupakan tumbuhan menjalar juga memberi kesan mengkhayalkan.



**HARGA** yang murah mendorong pengguna membeli gambir Sarawak tanpa memikirkan risiko buruk terhadap kesihatan mereka.

### EKSTRA

● Fungsi gambir hampir sama seperti ubat bius tetapi gambir Sarawak memanas apabila terkena pada bahagian kulit.

● Tumbuhan ini diperolehi di dalam hutan tebal di kawasan pedalaman Long Panai, Marudi, Sarawak.

● Gambir juga dikenali dengan nama *Born*, *Gambier*, *Borneo Cat's claw*, *Una de Gato* dan kerangas.

● Gambir Sarawak dijual di antara RM10 hingga RM20 sepeket mengikut saiz bungkusannya.